

Penyelidik UMS Temui Empat Tumbuhan dan 11 Spesies Siput Baharu

Terakhir dikemaskini: Rabu, 21 Mac 2018 17:39 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1778

Kongsi 457

Syorkan 457

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 21 MAC - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) terus giat dalam membuat penyelidikan terhadap kepelbagaian sumber khazanah alam semula jadi di Malaysia.

Pemangku Pengarah IBTP, Prof. Madya Dr. Monica Suleiman berkata, terbaru para penyelidik IBTP menemukan empat jenis tumbuhan dan 11 spesies siput baharu.

“Empat jenis tumbuhan ditemui di Sabah, manakala sebanyak 11 spesies siput ditemui di Semenanjung Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, dua jenis tumbuhan baharu itu ditemui sewaktu beliau mengetahui

satu kajian botanikal di Pusat Konservasi Maliau Basin Sabah bersama dua rakan penyelidiknyanya iaitu Dr. Kenji Suetsugu dari Department of Biology, Graduate School of Science, Kobe University, Jepun dan Dr. Hirokazu Tsukaya dari Department of Biological Sciences, Graduate School of Science, The University of Tokyo, Jepun.

“Tumbuhan baharu yang pertama dinamakan sebagai *Thismia bryndonii*, sejenis tumbuhan saprofit. Manakala tumbuhan yang satu lagi merupakan varieti baharu bunga orkid yang diberi nama *Didymoplexis obreniformis* var. *maliauensis*, bersempena nama kawasan ia ditemui iaitu di Maliau Basin,” ujar Dr. Monica.

Beliau berkata, dua lagi penemuan baharu diperolehi melalui kajian yang dilaksanakan oleh Prof. Madya Dr. Kartini Saibeh bersama Taman-taman Sabah di Taman Bukit Tawau.

“Pensyarah IBTP yang kini dipinjamkan di Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan ini bersama dua orang Felo Penyelidik Bersekutu IBTP iaitu Peter C. Boyce dari Ludwig-Maximilians-Universität München, Germany dan Prof. Madya Dr. Wong Sin Yeng dari Fakulti Sumber Sains dan Teknologi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), telah menemui dua spesies baharu keladi yang masing-masing diberi nama *Schismatoglottis saafiei* dan *Schismatoglottis zainuddinii*,” jelasnya.

Sementara itu, Dr. Monica memaklumkan 11 jenis siput daratan yang ditemui di Semenanjung Malaysia telah dikenalpasti sebagai spesies yang baharu oleh seorang lagi penyelidik IBTP, Dr. Liew Thor Seng bersama Foon Junn Kitt iaitu salah seorang pelajar pascasiswazah IBTP.

“Kesemua spesies baharu siput ini dikenali sebagai *Alycaeus selangoriensis*, *Alycaeus costacrassa*, *Alycaeus ikanensis*, *Alycaeus alticola*, *Alycaeus charasensis*, *Alycaeus kurauensis*, *Alycaeus regalis*, *Alycaeus virgogravida*, *Alycaeus senyumensis*, *Alycaeus expansus* dan *Alycaeus clementsii*,” katanya sambil menambah penemuan baharu itu menjadikan sejumlah 28 spesies siput *Alycaeus* telah berjaya dikenalpasti di Semenanjung Malaysia.

Untuk rekod, semua penerbitan santifik mengenai penemuan tersebut boleh didapati dalam Jurnal Acta Phytotax. Geobot.68(2):105-109(2017)doi:10.18942/apg.201709, Phytotaxa 312(1):135-138

<https://doi.org/10.11646/phytotaxa.312.1.13>, Nordic Journal of Botany 000:001-005, 2017 doi:10.1111/njb.01554 dan Zookeys <https://doi.org/10.3897/zookeys.692.14706>.